



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 1988
DR.30/1988

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan
Perusahaan 1967.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 1988.

Tajuk
ringkas.

2. Seksyen 2 Akta Perhubungan Perusahaan 1967, yang dalam Akta ini disebut “Akta ibu”, adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 2.
Akta 177.

(a) dengan memasukkan selepas sahaja takrif “Director General”, takrif yang berikut:

“ “Director General of Trade Unions” means the Director General of Trade Unions appointed under section 3 of the Trade Unions Act 1959;” dan

Act 262.

(b) dengan memotong takrif “Registrar of Trade Unions”.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “Registrar of Trade Unions” di mana-mana jua terdapat, dengan perkataan-perkataan “Director General of Trade Unions”.

Pindaan am.

Pindaan
seksyen 12.

4. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "three" dengan perkataan "six".

Pindaan
seksyen 14.

5. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (2), subseksyen baru (3) yang berikut:

Act 195. "(3) A collective agreement shall not
Act 265. contain terms which are less favourable than
the provisions of the Wages Councils Act 1947
and the Employment Act 1955."

Pindaan
seksyen 15.

6. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (a) subseksyen (2) dengan yang berikut:

Act 327. "(a) pioneer company which has been
granted pioneer status under section 6 of
the Promotion of Investments Act
1986;"

Pindaan
seksyen 18.

7. Seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan noktah di akhir subseksyen (2) dengan noktah bertindih;

(b) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (2), proviso yang berikut:

"Provided that where the dispute relates to the dismissal of a workman, the provisions of section 20 shall apply."; dan

(c) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (4), subseksyen baru (5) yang berikut:

"(5) Where, after having taken the steps under subsection (2) or (3), the Director General is satisfied that there is no likelihood of the trade dispute being settled, he shall notify the Minister accordingly."

8. Seksyen 20 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 20.

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

“(1) Where a workman, irrespective of whether he is a member of a trade union of workmen or otherwise, considers that he has been dismissed without just cause or excuse by his employer, he may make representations in writing to the Director General to be reinstated in his former employment; the representations may be filed at the office of the Director General nearest to the place of employment from which the workman was dismissed.”;

- (b) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (1A) yang berikut:

“(1A) The Director General shall not entertain any representations under subsection (1) unless such representations are filed within sixty days of the dismissal:

Provided that where a workman is dismissed with notice he may file a representation at any time during the period of such notice but not later than sixty days from the expiry thereof.”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (5), subseksyen baru (6), (7) dan (8) yang berikut:

“(6) In any proceedings under subsection (2)—

- (a) an employer may represent himself or be represented by his duly authorized employee or, where he is a member of a trade union of employers, be represented by an officer or employee of such trade union of employers or, notwithstanding anything to the

contrary contained in any written law relating to the registration of trade unions, by any official of an organisation of employers registered in Malaysia (not being a trade union of employers);

- (b) a workman may represent himself or, where he is a member of a trade union of workmen, be represented by an officer or employee of such trade union of workmen or, notwithstanding anything to the contrary contained in any written law relating to the registration of trade unions, by any official of an organisation of workmen registered in Malaysia (not being a trade union of workmen).

(7) Save as provided in subsection (6), a workman or employer shall not be represented by an advocate, adviser, consultant or by any other person whatsoever.

(8) For the purpose of carrying out his functions under this section the Director General—

- (a) shall have the power to direct either party to furnish to him, within such period as may be specified in that direction, such information as he may consider necessary or relevant; and
- (b) may, if he deems it necessary or expedient, direct any person engaged in or connected directly or indirectly with the dismissals to attend a conference to be presided over by the Director General or such person as he may appoint at such time and place as may be specified in the direction.”.

9. Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "a panel of independent persons," dalam perenggan (b) subseksyen (1). Pindaan seksyen 21.

10. Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 22.

- (a) dengan menggantikan perkataan "three" dalam subseksyen (1) dengan perkataan "two";
- (b) dengan menggantikan perkataan "Minister" dalam subseksyen (1) dengan perkataan "President"; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan "Minister" dalam subseksyen (2) dengan perkataan "President".

11. Seksyen 23 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 23.

- (a) dengan menggantikan perkataan "three" dalam subseksyen (3) dengan perkataan "two";
- (b) dengan menggantikan perkataan "Minister" dalam subseksyen (3) dengan perkataan "President"; dan
- (c) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (4), subseksyen baru (5) dan (6) yang berikut:

“(5) The Court may, with the consent of the parties to the dispute, act notwithstanding any vacancy in its number or in the absence of any member other than the Chairman from any hearing or any part thereof and no act, proceeding or award of the Court shall be called in question or be invalidated by reason of any such vacancy or absence.

(6) During the absence of or inability to act from illness or any other cause by the Chairman, the Yang di-Pertuan Agong may

appoint another person to exercise the powers or perform the functions of the Chairman and, notwithstanding that the Chairman may have resumed the duties of his office, the person so appointed may continue to exercise the powers or perform the functions for the purpose of completing the hearing of and determining any trade dispute or matter commenced before him.”.

Seksyen
baru 23A.

12. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 23, seksyen baru 23A yang berikut:

“Qualifica-
tion of
President
and
Chairman
of Industrial
Court.

Act 166.

23A. (1) A person is qualified for appointment as President under section 21 (1) (a) and as Chairman under section 23 (2) if, for the seven years preceding his appointment, he has been an advocate and solicitor within the meaning of the Legal Profession Act 1976 or a member of the judicial and legal service of the Federation or of the legal service of a State, or sometimes one and sometimes another.

(2) Any person who, immediately before the commencement of this section, is a President appointed under section 21 (1) (a) or a Chairman appointed under section 23 (2) but is disqualified from being a President or Chairman by virtue of this section, may continue to remain as President or Chairman until the expiry of his term of appointment.”.

Pindaan
seksyen 25.

13. Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “of the Court” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “, a Deputy Registrar”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “the Registrar” dalam subseksyen (2), perkataan-perkataan “Deputy Registrar,”.

14. Seksyen 26 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “own motion” dalam subseksyen 2, perkataan-perkataan “or upon receiving the notification of the Director General under section 18 (5)”.

Pindaan seksyen 26.

15. Seksyen 27 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “A party to a trade dispute, or to a reference to the Court under section 20 (3), may at proceedings before the Court—” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “In any proceedings before the Court a party may—”.

Pindaan seksyen 27.

16. Seksyen 29 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 29.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “in relation to any trade dispute before it or in relation to any reference to it under section 20 (3)—” dengan perkataan-perkataan “in any proceedings before it—”;
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “the trade dispute or to the reference to it under section 20 (3)” dalam perenggan (b) dengan perkataan-perkataan “any such proceedings”;
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “trade dispute or the reference to it under section 20 (3)” yang terdapat dalam baris 1 perenggan (d) dengan perkataan-perkataan “matter before it”;
- (d) dengan menggantikan perkataan “dispute” dalam baris 7 perenggan (b) dengan perkataan “proceedings”; dan

- (e) dengan menggantikan perkataan-perkataan “trade dispute or the reference to it under section 20 (3)” dalam perenggan (g) dengan perkataan-perkataan “matter before it”.

Pindaan
seksyen 30.

17. Seksyen 30 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “in the event of the votes being equal” dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “if there is no majority decision”.

Pindaan
seksyen 33.

18. Seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan “award” dalam subseksyen (2), perkataan-perkataan “or agreement”.

Pindaan
seksyen 56.

19. Seksyen 56 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan yang berikut:

“(4) Where any sum of money is payable by any person, or, where anything, other than the payment of money is required to be done or not to be done by any person by virtue of an order made by the Court under subsection (2), and such order has not been complied with by the person to whom it is addressed, the Registrar of the Court may send a certified copy thereof to the Senior Assistant Registrar of the High Court or the Registrar of the Sessions Court having jurisdiction in the place to which the order relates or in the place where the order was made and the said Senior Assistant Registrar or Registrar, as the case may be, shall cause the said copy to be recorded and thereupon the said order shall for all purposes be enforceable as a judgement of the High Court or the Sessions Court, as the case may be, in accordance with such rules

of court as may be applicable or in such manner as it may deem just or expedient:

Provided that no sale of immovable property shall, for the purposes of such enforcement, be ordered except by the High Court.”; dan

(b) dengan memotong subseksyen (5).

20. Jadual kepada Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
Jadual.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “and pilotage” dalam perenggan 4 dengan perkataan-perkataan “, pilotage and storing or bulking of commodities”; dan

(b) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan 16, perenggan baru 17 yang berikut:

“17. Industries declared by the Minister by notification in the *Gazette* as industries essential to the economy of Malaysia.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

2. *Fasal* (2) dan (3) adalah pindaan berbangkit yang hanya diperlukan dengan pertukaran nama jawatan Pendaftar Kesatuan Sekerja kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja.

3. *Fasal* 4 bertujuan meminda seksyen 12 Akta bagi melanjutkan masa menunggu dari tiga bulan kepada enam bulan sebelum suatu kesatuan sekerja boleh dibenar mengemukakan suatu tuntutan pengiktirafan baharu setelah tuntutan pengiktirafan yang terdahulu ditolak.

4. *Fasal* 5 bertujuan memasukkan subseksyen baru (3) kepada seksyen 14 untuk memperuntukkan bahawa terma-terma sesuatu perjanjian kolektif hendaklah tidak kurang baiknya daripada peruntukan-peruntukan Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 dan Akta Kerja 1955.

5. *Fasal* 6 adalah suatu pindaan berbangkit yang hanya diperlukan dengan pemansuhan Akta Galakan Pelaburan 1968 oleh Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

6. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 20 supaya kesemua kes pembuangan kerja sama ada yang melibatkan pekerja yang adalah seorang anggota kesatuan sekerja atau sebaliknya, hendaklah dikendalikan di bawah peruntukan ini. Representasi mestilah difailkan dalam masa enam puluh hari dari hari pembuangan kerja. Jika seorang pekerja adalah dibuang kerja dengan notis, dia boleh memfailkan representasinya tanpa menunggu habis tempoh notis tersebut. Subseksyen baru (6) dan (7) menetapkan orang-orang yang boleh mewakili majikan-majikan dan pekerja-pekerja dalam prosiding pendamaian. Di bawah subseksyen baru (8), Ketua Pengarah diberi kuasa untuk mengarahkan pihak-pihak supaya memberikannya maklumat yang perlu untuk menjalankan fungsi-fungsinya.

7. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 21 untuk memecat keanggotaan anggota panel bebas dalam Mahkamah Perusahaan.

8. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 22 untuk memberi kuasa kepada Yang Dipertua Mahkamah Perusahaan memilih anggota-anggota panelnya.

9. *Fasal 11* bertujuan meminda seksyen 23. Subseksyen baru (5) dan (6) akan membolehkan Mahkamah yang dipengerusikan oleh seorang Pengerusi berfungsi walaupun terdapat apa-apa kekosongan dari segi bilangannya, selain daripada Pengerusi. Semasa ketiadaan Pengerusi oleh sebab sakit atau sebab-sebab lain, Yang di-Pertuan Agong boleh melantik seorang lain untuk bertindak menggantikannya. Ini akan menjadikan kedudukan Mahkamah yang dipengerusikan oleh seorang Pengerusi selaras dengan kedudukan Mahkamah yang dipengerusikan oleh seorang Yang Dipertua.

10. *Fasal 12* bertujuan memasukkan seksyen baru 23A untuk menyatakan kelayakan-kelayakan seorang Yang Dipertua dan seorang Pengerusi Mahkamah Perusahaan. Ia juga memperuntukkan bahawa mana-mana Yang Dipertua atau Pengerusi yang ada yang tidak lagi berkelayakan sedemikian menurut kuasa subseksyen (1) boleh terus menjadi yang Dipertua atau Pengerusi sehingga habis tempoh perlantikannya.

11. *Fasal 14* bertujuan meminda seksyen 26 Akta untuk membolehkan Menteri merujuk pertikaian perdagangan kepada Mahkamah, sama ada dengan kehendaknya sendiri atau apabila menerima suatu pemberitahuan daripada Ketua Pengarah di bawah seksyen 18 (5).

12. *Fasal 16* bertujuan meminda seksyen 29 Akta untuk menjelaskan bahawa bidang kuasa Mahkamah Perusahaan tidak terhad kepada mendengar pertikaian perdagangan dan perujukan di bawah seksyen 20 (3) tetapi meliputi kesemua cara prosiding di hadapannya.

13. *Fasal 18* bertujuan meminda seksyen 33 untuk membolehkan Mahkamah membuat perubahan bukan sahaja terhadap keputusan-keputusannya tetapi juga terhadap perjanjian-perjanjian kolektif.

14. *Fasal 19* bertujuan meminda seksyen 56 Akta untuk memudahkan lagi penguatkuasaan perintah Mahkamah Perusahaan. Sekiranya berlaku ketakpatuhan suatu perintah, sama ada bagi pembayaran wang atau selainnya, Pendaftar Mahkamah boleh menghantar suatu salinan perintah kepada Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Sesyen. Selepas perintah itu telah direkodkan, ia akan dikuatkuasakan sebagai penghakiman Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Sesyen.

15. *Fasal 20* bertujuan meminda Jadual untuk meluaskan skop perkhidmatan-perkhidmatan perlu dengan memasukkan menstor dan memukul komoditi dan apa-apa industri yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai perlu kepada ekonomi negara.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1490.]